

PATUT DAN TURUT; DUA DAN SEPARUH; DATAR DAN RATA: KATA WARISAN ATAU KATA PINJAMAN? CATATAN MENGENAI ETIMOLOGI KOSAKATA MELAYU

Bernd Nothofer
Universiti Frankfurt¹

Abstract

Studies on the etymology of Malay words to enrich the Kamus Umum Bahasa Melayu Dewan (KUBMD) have been carried out since 2003. The present paper describes the attempts to uncover whether certain words in Malay are inherited words or borrowed words. The paper also includes a discussion on what is called 'etymological twin words', which has become an interesting aspect in studies on historical linguistics.

Key words: Malay words, etymology, inherited words, borrowed words, etymological twin words

PENDAHULUAN

Dalam rangka kajian mengenai asal-usul kata bahasa Melayu yang sedang dilaksanakan sejak tahun 2003 dengan tujuan memperkaya Kamus Umum Bahasa Melayu Dewan (KUBMD) dikumpulkan maklumat mengenai kata warisan dan kata pinjaman. Pendahuluan kertas kerja ini menerangkan kedua konsep linguistik sejarawi ini. Bahagian inti makalah ini terdiri atas perbincangan tentang yang disebut 'kata kembar etimologi' yang merupakan aspek menarik dalam kajian mengenai perkembangan linguistik.

A Kata Warisan

Maklumat ini terdiri daripada kata Melayu yang berasal daripada Malayik Purba (MP), yaitu ibu semua varian Melayu (misalnya bahasa Melayu (BM), bahasa Jakarta (Jkt), Minangkabau (Min), dll.). Kata itu boleh merupakan unsur yang asalnya tidak lebih kuno daripada MP atau boleh meneruskan unsur yang berasal daripada bahasa purba yang lebih kuno seperti Melayu-Jawanik Purba (MJP), Melayu-Polinesia Barat Purba (MPBP), Melayu-Polinesia Purba (MPP) atau Austronesia Purba (AP)¹¹:

belum masih tidak [[< MP **belum*, BM *bəlum*, Min *balun*, *alun*, BH *balum*, Swy *bəlum*, *lum*, Jkt *bəlom*, *belon*]]

hidup terus bernyawa atau bernafas [[< MP **hidup*, Min *iduy?*, MJP **huđip*, Snd *hirup*, MPP **quđip*, Mar *orip*, AP **quđip*, Fav *orix*]]

B Kata Pinjaman

a) Daripada sumber Austronesia

Maklumat ini terdiri daripada kata Melayu yang berasal daripada bahasa seperti misalnya bahasa Jawa.

pangeran gelaran untuk anak raja dan orang besar [[< Jw *pangéran* tuan, raja < Jw-Ku *panghéran* tempat tinggal, *pangéran* (orang yg dinanti, dilayani), tuan raja < MJP **haij* menanti, merindukan (Ibn *ait* mengingini, hasrat)]]ⁱⁱⁱ

dodol I = *kuih* ~ sj penganan [[< Jw *dodol* < Jw-Ku *dwadwal* < **dualdual*]]

sumber mata air [[< Jw *sumber*]]

b) Kata pinjaman daripada sumber non-Austronesia

Maklumat ini terdiri daripada kata Melayu yang berasal daripada bahasa seperti misalnya bahasa Tamil (Tm), bahasa Sanskrit (Skt), bahasa Arab (Ar), bahasa Inggeris (Ing) atau bahasa Belanda (Bel):

cukai bayaran yg dikenakan oleh kerajaan terhadap orang perseorangan [[< Tm *sukkai* wang yg dibayar untuk naik kapal]]

tiga [[< Hindia Pertengahan *tiga* tiga serangkai, unit yg berdasarkan jumlah tiga {Dyen 1946}]]

ayan I zink, timah sari (= besi yg digalvani) [[< Ing *iron* besi {Wilkinson 1932}]]

gebeng I; *perahu* ~ perahu yg mempunyai bilik yg kecil [[< Ing *cabin* rumah kecil, bilik pd perahu {Wilkinson 1932}]]

betik sj tumbuhan tropica, papaya [[< BM (abad ke-15) *betek* tembikai < Ar *bittikh* tembikai {Collins [akan terbit]}]]

Lain daripada peminjaman kata asing yang kerap kali melibatkan penyesuaian atau perubahan bentuk, kalau melanggar kaedah fonetik atau sebutan BM (misalnya: **minda** akal fikiran < Ing *mind*) juga ada kata pinjaman yang merupakan terjemahan daripada kata asing. Ada yang diterjemahkan secara lengkap, ada yang terdiri atas unsur terjemahan dan atas unsur bahasa Melayu:

1) terjemahan pinjaman yang lengkap:

pencakar langit bangunan yg bertingkat-tingkat dan tinggi [[< terjemahan pinjaman daripada Ing *skyscraper*]]

pencakar awan bangunan yg bertingkat-tingkat dan tinggi [[< terjemahan pinjaman daripada Bel *wolkenkrabber*]]

2) terjemahan pinjaman yang parsial:

kraf tangan perusahaan yg memerlukan kemahiran... [[< terjemahan pinjaman parsial drpd Ing *handicraft*]]

nyahcas; ~ elektrik pengaliran cas elektrik [[**nyah I** pergi, lari + **cas VI**, terjemahan pinjaman parsial drpd Ing *discharge*]]

nyahkod menukarkan data [[**nyah I** pergi, lari, hapus + **kod I** sistem simbol, terjemahan pinjaman drpd Ing *decode*]]

Boleh jadi bahawa kata Melayu berasal daripada dua bahasa sumber. Contohnya ialah kata yang berikut yang terdiri daripada campuran pinjaman Inggeris dan Belanda:

modenisasi perihal memodenkan [[**moden** + imbuhan BI - *isasi*]]

korapsi rasuah [[campuran **korupsi** dan **korapsyen**]]

Ada kata Melayu yang menggabungkan dua atau lebih banyak unsur yang dipinjam dan yang tidak terdapat dalam bahasa sumber itu. Kata ini disebut neologisme. Misalnya, dalam bahasa Melayu *maha* dan *guru* merupakan kata yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit:

maha (dlm kata majemuk bererti) sangat, amat [[< Skt *mahā*]]

guru orang yg mengajar [[< Skt *guru*]]

Bukan hanya *maha* dan *guru* yang merupakan kata pinjaman, melainkan jua kata *mahaguru*, kerana bentuk ini terdapat dalam bahasa Sanskrit:

mahaguru 1. Betara Siwa; **2.** dewa yg tertinggi [[< Skt *mahāguru*]]

Sebaliknya, kata *mahasiswa* tidak merupakan kata yang langsung dipinjam daripada bahasa Sanskrit, kerana kata ini tidak terdapat dalam bahasa Sanskrit. Perlu disimpulkan bahawa kata ini merupakan pembaharuan Melayu yang menggabungkan dua unsur yang dipinjam, yaitu *maha* dan *siswa* yang kedua-duanya terdapat dalam bahasa Sanskrit.

maha lihat di atas

siswa penuntut, pelajar [[< Skt *śiṣya*]]

mahasiswa pelajar di universiti [[< **maha** + **siswa**]]

1 KATA KEMBAR ETIMOLOGI

Sesudah menggambarkan konsep kata warisan dan kata pinjaman secara kasar, maka kita sekarang mengkaji proses sejarah yang menghasilkan kata kembar etimologi. Kata kembar etimologi ialah dua atau lebih banyak kata yang berasal dari sumber terakhir yang sama. Adanya kata kembar disebabkan alasan yang berikut:

- a) etimon salah satu bahasa purba (misalnya MP) menjadi dua atau lebih banyak kata dalam suatu bahasa turunan (misalnya BM) (= kata warisan sahaja)
- b) lain daripada mempunyai satu atau lebih banyak kata yang menurunkan etimon salah satu bahasa purba (misalnya MP), bahasa turunan (misalnya BM) juga mempunyai satu atau lebih banyak kata yang dipinjam daripada bahasa kerabat (misalnya Jw). Kata pinjaman dan kata warisan menurunkan etimon yang sama (= kata warisan dan kata pinjaman)
- c) kata yang dipinjam daripada bahasa kerabat (misalnya Jw) atau bahasa tidak kerabat (misalnya Skt) mempunyai lebih banyak daripada satu bentuk yang merupakan akibat bermacam-macam faktor (= kata pinjaman sahaja)

A Kata Warisan

Jumlah kata kembar etimologi yang diwarisi sangat terbatas dan pada dasarnya mencerminkan sejarah perubahan linguistik sebuah bahasa yang sedang berlangsung pada masa tertentu.

a) *rotan* ‘sj tumbuhan, sebat’, *rautan* ‘bentuk, potongan, roman’ (lihat KD^{iv} 2005) Menurut Adelaar (1992) BM *rotan* ‘sj tumbuhan, sebat’ mewarisi MPP **raut(-an)* ‘kayu yang dibelah, meraut’. Kontraksi *-*au-* > *o* dianggap perubahan Melayu yang teratur dalam kata trisilabik. Dua teks Melayu Klasik memperlihatkan dua kata yang rupanya mewarisi etimon tersebut. Dalam Batu Bersurat Trengganu terdapat kata *rautan* ‘menyebat dengan rotan’ (BBT B9: *Dewata Mulia Raya jika merdeka bujan palu seratus rautan. Jika merdeka beristri atawa perempuan bersuami ditanam ...*^v) dan dalam Hikayat Raja Pasai terdapat kata *rautan* ‘rotan’ (Pasai 109:14 *maka ia pun bersikap berjawat tangkal dan rotan itu pun diikatkannya pada pinggangnya, lalulah ia menyelam, .*). Rupanya, dalam BM abad ke-14 *rautan* yang lebih mirip etimonya masih bersaing dengan *rotan* yang memperlihatkan kontraksi. BM *rautan* yang pada abad ke-14 sudah jarang digunakan akhirnya hilang dan bentuknya yang lebih pendek, yaitu *rotan*, menggantikannya. Dalam KD (2005) terdapat *rotan* ‘rotan, menyebat dengan rotan’ dan *rautan* ‘bentuk, potongan, roman’. Kata pertama meneruskan *rotan* abad ke-14. Akan tetapi, kata kedua tidak boleh meneruskan *rautan* abad ke-14, kerana *rautan* abad ke-14 dan *rautan* abad ke-21 ertinya berbeza. BM moden *rautan* perlu dianggap pembaharuan yang terdiri atas akar verba *raut* + *-an*. Adanya nomina *raut* dengan makna yang sama seperti *rautan* menyokong pengamatan ini.

b) *delapan*, *dualapan* ‘lapan’

Dalam Hikayat Seri Rama yang naskahnya berasal daripada masa sebelum 1633 terdapat dua bentuk untuk ‘lapan’, yaitu *dualapan* dan *delapan*. Kedua-duanya berasal daripada MP **dua alap-an* (Adelaar 1992:116). Bentuk pertama muncul jauh lebih sering daripada bentuk kedua.^{vi} Rupanya, pada masa penyusunan hikayat ini urutan *-ua-* pada akhirnya baru mulai mengalami pelemahan vokal dalam suku kata antepenultima dan menjadi schwa:

Rama 681:3 *enam, penggal tujuh, tumbuh tujuh, penggal delapan, tumbuh delapan, penggal sembilan, tumbuh sembilan. Maka ..*


Rama 414:5 *yang besar-besar ditambakkannya laut. Dan dualapan yojana bumi banyak ra`yatnya, tiga puluh tiga*

Rama 338:5 . . *kanan. Maka tiada lagi berantara padang Aruda dualapan yojana tempat ra`yat Sri Rama berdiri. Maka Sri Rama pun .*

B Kata warisan dan pinjaman yang menurunkan etimon yang sama

Bahasa Jawa yang merupakan bahasa ibunda kerajaan Jawa seperti Majapahit dan Mataram mempunyai pengaruh luar biasa atas bahasa Melayu, kerana penutur kedua bahasa ini dalam kontak yang erat, sehingga banyak kata Jawa masuk bahasa Melayu dan sebaliknya. Perlu diperhatikan bahawa kedua bahasa ini saling mempengaruhi secara intensif, sehingga jumlah kata pinjaman Melayu dalam bahasa Jawa dan jumlah unsur Jawa dalam bahasa Melayu besar sangat. Kata pinjaman dalam bahasa Melayu tidak terbatas pada unsur yang dipinjam daripada bahasa Jawa: juga ada kata yang berasal dari bahasa sumber lain seperti bahasa Sunda atau bahasa Jakarta. Akan tetapi, jumlah kata pinjaman ini jauh lebih terbatas.

Keempat rajah yang berikut ini menggambarkan proses yang mengakibatkan adanya jenis kata kembar ini dalam bahasa Melayu (dan dalam bahasa Jawa):




Rajah 1

Ketiga contoh lain yang terdapat dalam tajuk kertas kerja ini merupakan anggota jenis kata kembar ini. Persembahannya dalam KUBMD sebagai berikut.

turut pergi bersama [[< MP **turut* < MPBP°*turut* ikut, menyusul (lih. **patut**)]]

patut baik atau elok, layak [[< Jw *patut* (← *paʔtut*) sesuai < MJP°*turut* < MPBP **turut* ikut, menyusul (lih. **turut**)]]


anut menerima sesuatu ajaran [[< Jw *anut* turut (← *anut*) < MJP *turut* < MPBP **turut* ikut, menyusul (lih. **patut**, **turut**)]]



Rajah 2

dua bilangan [[< MP **dua*(?) < MJP **Dua* dua < AP **Dufa* dua (lih. **paruh**)]]

paruh II; **separuh** setengah [[< Jw *səpaɾo* (← *səʔpaʔro*) < MJP **Dua* dua < AP **Dufa* dua (lih. **dua**)]]




Rajah 3

urat saluran [[< MP **urat* < MJP **uRat* < AP **uRat* ‘urat, saluran yg membawa darah, tisu’ (lih. **otot**)]]

otot tisu [[< Jw *otot* (← *otʼot* [reduplikasi]) < MJP **uRat* < AP **uRat* ‘urat, saluran yg membawa darah, tisu’ (lih. **urat**)]]

AP **uRat* urat, saluran yg membawa darah, tisu



Rajah 4

Contoh lain:

perah memicit [[< MP **perah* < MJP **pereh* < MPP **peRaq* memerah, memeras (lih. **puan III**)]]

puan III; *kelapa* ~ kelapa yg isinya lembut [[< Jw *puhan* (← *puh-an*) < MJP **peReh* < MPP **peRaq* memerah, memeras (lih. **perah**)]]

hijau warna [[< MP *hijaw* < MJP **hijaw* < MPBP **qizaw* (lih. **ijo, ijon**)]]

ijo hijau [[< Jw *ijo* < MJP **hijaw* < MPBP **qizaw* (lih. **hijau, ijon**)]]

ijon pembelian padi [[< Jw *ijon* (← *ijoʼan*) < MJP **hijaw* hijau < MPBP **qizaw* (lih. **ijo, ijon**)]]

rusuk samping, sisi [[< MP *rusuk* < MJP **rusuk* < AP **rusuk* ulang rusuk (lih. **usuk**)]]

usuk (kayu) kasau [[< Jw *usuk* < MJP **Rusuk* < AP **Rusuk* ‘tulang rusuk’ (lih. **rusuk**)]]

Bernd Nothofer

datar rata [[< MJP *DataR < MPP *DataR (lih. **rata**)]]

rata datar [[< Jw *rata* < MJP *DataR < MPP *DataR (lih. **datar**)]]

resah tidak tenang hati [[< MJP *reseh (lih. **rusuh**)]]

rusuh terganggu ketenteraman [[< Jw *rusuh* < MJP *reseh (lih. **resah**)]]

rebah jatuh terbaring [[< MP *rebah < AP *Rebaq jatuh, menghancurkan (lih. **roboh**)]]

roboh jatuh ke bawah [[< Jw *rubuh* < AP *Rebaq jatuh, menghancurkan (lih. **rebah**)]]

pepah memukul [[< MJP *pepeh (lih. **pupuh**)]]

pupuh + memukul [[< Jw *pupuh* < MJP *pepeh (lih. **pepah**)]]

menang berjaya, keuntungan [[< MJP *Benan < MPBP *benan, *menan menang, kuasa (lih. **wenang**, **wewenang**)]]

wenang hak, kekuasaan [[< Jw *wenan* < MJP *Benan < MPBP *benan, *menan menang, kuasa (lih. **menang**, **wewenang**)]]

berangan II racun tikus [[< MJP *berangan (lih. **warangan**)]]

warangan racun tikus [[< Jw *warangan* < MJP *berangan (lih. **berangan**)]]

bayang tempat yg tidak kena sinar [[< MJP *Bayan < MPBP *bayan goyang (lih. **wayang**)]]

wayang patung dll [[< Jw *wayan* < MJP *Bayan bayang, patung < MPBP *bayan goyang (lih. **bayang**)]]

belalang sj serangga [[← *bɛlɛʎalaŋ* < MPBP *balan (lih. **walang**)]]

walang II sj belalang [[< Jw *walan* < MPBP *balan (lih. **belalang**)]]

barung I sj tempat yg beratap [[< MJP *Barun (lih. **warung**)]]

warung kedai kecil [[< Jw *warun* < MJP *Barun (lih. **barung**)]]

empat bilangan [[< MP **empat* < MJP **e(m)pat* < AP **Se(m)pat* (lih. **perapatan**)]]

perapatan simpang empat [[< Jw *prapatan* (← *praʔpatʔan*) < MJP **e(m)pat* < AP **Se(m)pat* (lih. **empat**)]]

kunyit sj tumbuhan [[< MP **kunit* < MPP? **kunij* (lih. **kunir**)]]

kunir kunyit [[< Jw *kunir* < MPP? **kunij* (lih. **kunyit**)]]

laun lambat [[< MJP **laun* < MPBP **laun* (lih. **alon**)]]

alon; alon-alon lambat-lambat [[< Jw *alon* (← *aʔlon*) < MJP **laun* < MPBP **laun* (lih. **laun**)]]

lucu membuat orang tertawa [[< MPBP **lucu* (lih. **lelucon**)]]

lelucon kelakar [[< Jw *lelucon* (← *leʔlucuʔan*) < MPBP **lucu* (lih. **lelucon**)]]

keluang sj kelawar kecil [[< MP **kaluaŋ* < MPBP **kaluaŋ* (lih. **kalong**)]]

kalong keluang [[< Jw *kalon* < MPBP **kaluaŋ* (lih. **keluang**)]]

datuk bapa kpd ayah [[← *datuʔk* < MP **datuʔ* ‘kepala puak’ < MJP **Datu* < MPP **Datuʔ* ketua (lih. **keraton, ratu**)]]

ratu raja (perempuan) [[< Jw *ratu* < MJP **Datu* < MPP **Datuʔ* ketua (lih. **datuk, keraton**)]]

keraton istana raja [[< Jw *kraton* [← *kəʔratuʔan*] < MJP **Datu* < MPP **Datuʔ* ketua (lih. **datuk, ratu**)]]

lenjuang sj tumbuhan [[< MJP **hanzuaŋ* (lih. **andung I**)]]

andung I sj tumbuhan [[< Jw-Ku *andon*, *andwaŋ*, *handon* < MJP **hanzuaŋ* (lih. **lenjuang**)]]

ani II; ani-ani pisau memotong padi [[< AP **qani* panen (lih. **panen**)]]

panen pemungutan [[< Jw *panén* (← *paʔaniʔan*) < AP **qani* panen (lih. **ani II**)]]

Bernd Nothofer

peria I sj tumbuhan [[< MJP **paria* (lih. **pare**)]]

pare peria [[< Jw *paré* < MJP *paria* (lih. **peria**)]]

pais sj lauk yg dimasak [[< MJP **pais* (lih. **pepes**)]]

pepes = **pepesan** sj lauk dr ikan [[< Jw *pépés* < MJP **pais* (lih. **pais**)]]

daing II ikan yg dikeringkan [[< MJP **Daiŋ* (lih. **dendeng**)]]

dendeng daging tipis yg dikeringkan [[< Jw *déndéŋ* < MJP **Daiŋ* (lih. **daing**)]]

tal sj tumbuhan [[< MJP **taal* (lih. **lontar**)]]

lontar sj tumbuhan [[< Jw *lontar* < **rontal* (← *ron* daun + *tal* pokok tal) (lih. **tal**)]]

kemudi sj perkakas di buritan kapal [[← *kemʌudi* < MP **udi* < MPP **uDehi* belakang (lih. **huri**, **kemudian**, **uri**, **udik**)]]

kemudian selepas [[← *kemʌudiʌn* < MP **udi* < MPP **uDehi* belakang (lih. **huri**, **kemudi**, **udik**, **uri**)]]

huri belakang, punggung [[< Jw, Jw-Ku *huri* < MPP **uDehi* belakang (lih. **kemudi**, **kemudian**, **udik**, **uri**)]]

uri tembuni [[< Jw *wuri* ‘belakang’ < Jw-Ku *wuri*, *uri* belakang < MPP **uDehi* belakang (lih. **huri**, **kemudi**, **kemudian**, **udik**)]]

udik kawasan hulu sungai [[← *udiʌk* < MP **udi* < MPP **uDehi* belakang (lih. **kemudi**, **kemudian**, **huri**, **uri**)]]

hadap bahagian sebelah muka [[< MP **hadep* < MJP **haðep* < MPP **θαDεπ* (lih. **hadapan**, **depan**, **harap**)]]

hadapan muka [[< ⁺*hadapʌn* < MP **hadep* < MJP **haDep* < MPP **θαDεπ* (lih. **depan**, **hadap**, **harap**)]]

depan hadapan [[< MP **hadəpʌn* [dengan pelepasan suku kata yg pertama] < **haDep* < MPP **qaDep* muka (lih. **hadap**, **hadapan**, **harap**)]]

harap hasrat [[< Jw *arep* ingin < Jw-Ku *harep* ingin, muka < MJP **haDep* ‘ingin, muka’ < MPP **qaDep* muka (lih. **depan**, **hadap**, **hadapan**)]]

pedih rasa sakit [[< MP *pedih* < MJP **peḷih* < MPP **pejiq* (lih. **perih**)]]

perih pedih [[< Jw *perih* < MJP **peḷih* < MPP **pejiq* (lih. **pedih**)]]

mudah tidak susah, gampang [[< MJP **muDah* mudah, murah < MPBP **muDaq* mudah, murah (lih. **murah**)]]

murah banyak, rendah harga, suka memberi [[< Jw *murah* murah, belas kasihan < MJP **muDah* mudah, murah < MPBP **muDaq* mudah, murah (lih. **mudah**)]]

hidup terus bernyawa [[< MP **hidup* < MJP **hiDup* < AP **θvDɪπ* (lih. **udip**)]]

urip hidup [[< Jw *urip* < MJP **hiDup* < AP **quDip* (lih. **hidup**)]]

belerang sj benda keras [[< MJP **Baliraŋ* < MPBP **baliraŋ* (lih. **welirang**)]]

welirang belerang [[< Jw *weliraŋ* < MJP **Baliraŋ* < MPBP **baliraŋ* (lih. **welirang**)]]

pusat lekuk di tengah [[< MP **puset* < MJP **puseḷ* < MPP **pusej* (**pusar I, II**)]]

pusar I = ~ *kepala* rambut yg merupakan lingkaran [[< Jw *puser* pusat, tali pusat < MJP **puseḷ* < MPP **pusej* (lih. **pusat**)]]

bahang hawa panas [[< MJP **bahaŋ* merah, panas (lih. **abang, bangbang**)]]

abang merah [[< Jw *abaŋ* (← *aḷbaŋ*) < MJP **bahaŋ* merah, panas (lih. **bahang, bangbang**)]]

bangbang merah [[< Jw *baŋbaŋan* (← *baŋbaŋan*) < MJP **bahaŋ* merah, panas (lih. **abang, bahang**)]]

barah sj bisul besar [[< MP **barah* < MJP **BaReh* < MPP **baReq* (lih. **abuh**)]]

abuh bengkak [[< Jw *abuh* (← *aḷbuh*) < MJP **BaReh* < MPP **baReq* (lih. **barah**)]]

Bernd Nothofer

adik saudara kandung [[← *adiŋk* < MP **adi*? < AP **uŋSaji* (lih. **ari**)]]

ari adik, adinda [[< Jw *ari* < AP **uŋSaji* (lih. **adik**)]]

teras bahagian yg keras [[< MJP **teRas* ‘keras’ < AP **teRas* pokok *Intsia bijuga* (?) (lih. **atos**)]]

atos + keras [[< Jw *atos* (← *aŋtos*) < MJP **teRas* keras (kayu pokok *Intsia bijuga* merupakan kayu yg keras) < AP **təRas* pokok *Intsia bijuga* (?) (lih. **teras**)]]

berat tekanan benda [[< MP **berat* < MJP **BeRat* < MPP **beReqat* (lih. **keberatan, bobot**)]]

bobot berat sesuatu [[< Jw *bobot* (← *boŋbot*) < MJP **BeRat* < MPP **beReqat* (lih. **berat, keberatan, bobot**)]]

jerami batang padi [[< MP **jArami*? < AP **ZaRami* (lih. **dami**)]]

dami jerami [[< Jw *dami* < AP **ZaRami* (lih. **jerami**)]]

lasah III, lesah pakaian yg selalu dipakai [[< MJP **leseh* (lih. **lusuh**)]]

lusuh renyuk, kumal (pakaian) [[< Jw *lusuh* < MJP **leseh* (lih. **lasah, lesah**)]]

angan fikiran, ingatan [[< MJP **aŋen* (lih. **kangen**)]]

kangen + rindu, ingin sangat [[< Jw *kangen* (← *kŋaŋen*) < MJP **aŋen* (lih. **angan**)]]

cekur sj tumbuhan [[< MJP **cekur* (lih. **kencur**)]]

kencur sj tumbuhan [[< Jw *kencur* (metatesis) < MJP **cekur* (lih. **cekur**)]]

hulu kepala [[< MP **hulu*(?) < AP **qulu* (lih. **kulon**)]]

kulon barat [[< Jw *kulon* (← *kŋuluŋan* ke arah hulu air) < AP **qulu* (lih. **hulu**)]]

lalat sj serangga [[< MP **lalet* < MJP **laleŋ* < MPP **lalej* (lih. **laler**)]]

laler lalat [[< Jw *laler* < MJP **laleŋ* < MPP **lalej* (lih. **lalat**)]]

laut air masin [[< MP **laut* < AP **lahud* (lih. **lor**)]]

lor utara [[< Jw *lor*, MJP **lau*, AP *lahud* (lih. **laut**)]]

lebih melampaui [[< MP **lebih* < MJP **leβih* < MPBP **lebiq* (lih. **luih I**)]]

luih lebih [[< Jw *luwih* < MJP **leBih* < MPBP **lebiq* (lih. **lebih**)]]

hias berdandan diri [[< MJP **hias* < MPBP **qias* (lih. **paesan**)]]

paesan hiasan pd dahi [[< Jw *paésan* (← *paésan*) < MJP **hias* < MPBP **qias* (lih. **hias**)]]

telapak, telapakan tapak kaki [[< MJP **talapak*, **talapakʕan* (lih. **pakanira**)]]

pakanira tuan, engkau [[< Jw *pakanira* (← (*tala*)*pakan* [[< PMJ **talapakʕan*] + *ira* kata ganti nama kedua, orang am hanya boleh merujuk pd kaki, bahagian kaki atau sepatu raja, bdg. **paduka** (lih. **telapak, telapakan**)]]

taruh wang dll yg dipasang [[< MJP **taRuh* menaruh < AP **taRuq* (lih. **tui I**)]]

tui I menumpang modal pd orang yg bermain judi [[< Jw *tohi* (← *tohʕi*) < MJP **taRuh* menaruh < AP **taRuq* (lih. **taruh**)]]

ingin berasa mahu [[(lih. **kepingin**)]]

kepingin ingin [[< Jw *kepéjin*, *kepijin* (← *kəʕpaʕin*) (lih. **ingin**)]]

Semua kata kembar tersebut merupakan hasil peminjaman daripada bahasa Jawa. Contoh kata kembar yang merupakan akibat peminjaman daripada bahasa Sunda dan Jakarta ialah yang berikut:

a) bahasa Sunda:

sanca sj ular sawa [[< Snd *sanca* < MPBP **sawa*]]

sawa sj ular yg besar [[< MPBP **sawa*]]

b) bahasa Jakarta:

baik memberi faedah [[< MP **baik*, Min *baiʔ*? (lih. **bikin**)]]

bikin buat [[< MJ *bikin*, akhiran *-i* diganti akhiran Jkt *-in* dan urutan *ai* disingkat menjadi *i* < BM abad ke17 *baiki* (← *baiki*) memperbaiki, membuat (lih. **baik**)]]


Penjelasan kata kembar boleh melibatkan lebih daripada satu proses sejarawi, misalnya peminjaman dan peluasan metaforis (*metaphorical extension*). Etimon AP **balija* bermakna ‘sj papan pada perkakas tenun’ menjadi BM *belida* ‘sj ikan’. Bagaimana menjelaskan perubahan erti yang dialami kata turunan ini? Rupanya, kata Melayu yang menurunkan etimon ini mengalami

Bernd Nothofer

peluasan metaforis yang disebabkan kemiripan bentuk ikan belida (lihat gambar 1) dan papan pada alat tenun. Kedua-duanya agak panjang dan tipis. Lagipula, sirip bawahnya kelihatan seperti benang pada alat tenun. Kata turunan Jawa yang mempertahankan erti etimonya dipinjam bahasa Melayu dan mengganti kata warisan Melayu yang artinya sudah berubah:

belida sj ikan darat *Notopterus notopterus* [[metafora: badan ikan belida mirip bentuk papan tipis pd alat tenun < MJP **balija* sj papan tipis utk memadatkan tenunan (pd perkakas tenunan), Jw *welira*; MPP **balija*, Mar *barira*; AP **balija*, Pai *vaida* (lih. **belera**)]]


belera sj papan tipis utk memadatkan tenunan (pd perkakas tenun) [[< Jw *welira* < AP **balija* (lih. **belida**)]]



Kata kembar Melayu boleh berasal daripada dua tahap suatu bahasa yang berbeza atau dua dialek suatu bahasa. Misalnya, kata kembar yang berikut ini merupakan pinjaman daripada bahasa Jawa. Diketahui bahawa bahasa Jw Kuno $a(N)C\# >$ Jw Baru $\alpha(N)C\omega$ (misalnya Jw-Ku *mata* 'mata' > Jw Baru Yogya/Solo *mətɔ*). Sebutan Jw-Ku masih dipelihara dalam dialek Banten dan Banyumas. Kata pertama dipinjam daripada dialek baku, sedangkan yang kedua dipinjam daripada tahap lebih kuno atau daripada dialek yang bukan varian baku:

gogo, *padi* ~ *padi huma* [[< Jw *gogo* < Jw-Ku *gaga* < MJP **gaga* (lih. **gaga**)]]**gaga** huma [[< Jw-Ku, Jw Baru Banten/Banyumas *gaga*, Jw Baru < MJP **gaga* (lih. **gogo**)]]

Untuk memperlihatkan peran penting yang dimainkan pinjaman Melayu dalam bahasa Jawa, lihatlah contoh yang berikut ini. Kata Melayu *beras* 'padi yg sudah dikupas' merupakan kognat bahasa Jawa *wos* 'id.' Dan yang keduanya menrunkan MPP **beras* 'id.' Merupakan kata ngoko dalam bahasa Jawa, sedangkan kata warisan Jawa menjadi kata krama. Luar biasanya kata kembar Jawa ini ialah bahawa biasanya kata pinjaman (terutama daripada bahasa Sanskrit) menjadi kata krama, sedangkan kata warisan berfungsi sebagai kata ngoko.



Rajah 5

3. Kata pinjaman yang berasal daripada sumber yang sama

Perlu dibezakan beberapa kategori kata kembar yang semua anggotanya merupakan pinjaman:

- kata kembar merupakan pinjaman daripada satu bahasa sumber. Kata sumber dipinjam pada masa yang berbeza dan/atau mengalaminya perubahan fonetik yang berbeza.
- kata kembar merupakan pinjaman daripada dua atau lebih banyak bahasa sumber. Satu anggota kata kembar merupakan pinjaman secara langsung kata sumbernya, yang lain dipinjam melalui bahasa yang lain.
- kata kembar merupakan pinjaman daripada dua atau lebih banyak bahasa sumber. Bahasa sumber itu sendiri meminjam kata sumbernya daripada bahasa yang lain.

kategori a)

arca patung yg menyerupai seseorang atau sesuatu [[< Skt *arcā* penyembahan (lih. **reca**)]]

reca arca [[< Skt *arcā* penyembahan (lih. **arca**)]]

Bernd Nothofer

warna kesan yg didapati oleh mata drpd cahaya yg dipantulkan oleh benda-benda, rona [[< Skt *varṇa* bentuk, aspek, warna, kasta (lih. **rona**, **urna**, **mengerna**)]]

rona warna, warna muka, roman muka [[< Skt *varṇa* bentuk, aspek, warna, kasta (lih. **warna**, **urna**, **mengerna**)]]

urna sl warna [[< Skt *varṇa* bentuk, aspek, warna, kasta (lih. **warna**, **rona**, **mengerna**)]]

mengerna sl 1. berbagai-bagai warna, indah berseri; 2. kekasih [[← BM *mengerna* < Skt *varṇa* bentuk, aspek, warna, kasta (lih. **warna**, **rona**, **urna**)]]

Adanya dua varian sebuah kata pinjaman yang berasal daripada sumber yang sama boleh disebabkan perbezaan penggunaannya. Varian yang menandakan istilah teknikal dan yang terutama digunakan dalam bahasa bertulis sering memelihara bentuk aslinya atau sangat dekat dengan bentuk aslinya, sedangkan varian yang merupakan istilah umum disesuaikan dengan pola fonemik bahasa Melayu. Dalam contoh berikutnya, varian pertama merupakan istilah agama dan varian kedua istilah sekuler^{viii}:

fardu kewajipan yg dituntut (ditentukan) agama [[< Ar *fard* (lih. **perlu**)]]

perlu keharusan, kemestian [[< Ar *fard* (lih. **fardu**)]]

Contoh yang berikutnya sangat menarik, oleh kerana etimologi rakyat memainkan peran dalam pembentukan istilah sekuler (lihat Collins [akan terbit]). Penutur Melayu rupanya mengaitkan kata sekuler ini dengan kata warisan *tua*, yaitu menurut penutur bahasa Melayu kata ini terdiri atas imbuhan *pe-* + *tua*:

fatwa keputusan ttg sesuatu hukum agama [[< Ar *fatwā* (lih. **petua**)]]

petua nasihat, petunjuk (biasanya oleh orang tua-tua atau yang berpengalaman)

[[< Ar *fatwā* (lih. **fatwa**)]]

kategori b)

nila 1. (warna) biru [[< Skt *nīla* (lih. **nilam**)]]

nilam III; batu ~ sj batu permata yg biru warnanya [[< Tm *nīlam* < Skt *nīla* (lih. **nila**)]]

cuci bersih [[< Tm *cuci* kebersihan minda dan badan < Skt *śuci* bersih, putih (lih. **suci**)]]

suci bersih (dr segi agama) [[< Skt *śuci* bersih, putih] (lih. **cuci**)]]

kerja usaha utk menghasilkan sesuatu [[< Skt *kārya* (lih. **karya**)]]

karya 1. kerja, 2. buatan atau ciptaan (seni dll.) [[< BI *karya* < Jw *karya* < Skt *kārya* (lih. **kerja**) (C)]]

wibawa, kewibawaan kekuasaan [[< Skt *vibhava* kekuasaan, kekayaan, kemewahan (lih. **kawibawan**)]]

kawibawan kewibawaan [[< Jw sastera *kawibawan* (*ka-* + *wibawa* + *-an*) < Skt *vibhava* kekuasaan, kekayaan, kemewahan (lih. **wibawa**)]]

harta barang-barang berharga [[< Skt *artha* tujuan, erti, kelebihan, kekayaan (lih. **erti**)]]

erti maksud yg terkandung dlm sesuatu perkatan [[< Jw *erti* erti < Jw-Ku *artha* tujuan, perkembangan harta, kekayaan, wang, erti, *artha* erti, keterangan < Skt *artha* tujuan, erti, kelebihan, kekayaan (lih. **harta**)]]

biaya belanja, ongkos [[< Skt *vyaya* belanja, kehilangan, pembayaran, pengorbanan, kemerosotan (lih. **bea**)]]

bea wang yg dibayar oleh pemilik kapal dll. [[< Jw *béa* uang yg dibayar oleh pemilik kapal dll. < Jw-Ku *béa* belanja, sumbangan, *byaya* belanja, ongkos, pembayaran < Skt *vyaya* (lih. **biaya**)]]

kategori c)

raga badan [[< Jw *raga* wajah (yg cantik), badan < Skt *rāga* warna, perasaan, keberahian, kecantikan, melodi (lih. **ragam**)]]

ragam tingkah [[< Tm *irāgam* < Skt *rāga* warna, perasaan, keberahian, kecantikan, melodi (lih. **raga**)]]

gelen unit [[< Ing *gallon* < Per *galon* (lih. **galon**)]]

galon gelen [[< BI *galon* < Bel *gallon* < Perancis *galon* (lih. **gelen**)]]

dekad jangka masa [[< Ing *decade* < Perancis Pertengahan *decade* (lih. **dekade**)]]

dekade jangka masa [[< BI *dekade* < Bel *decade* < Perancis Pertengahan *decade* (lih. **dekad**)]]

medal bintang kehormatan [[< Ing *medal* < Perancis *médaille* (lih. **medali**)]]

medali tanda jasa [[< BI *medali* < Bel *medaille* < Perancis *médaille* (lih. **medal**)]]

Bernd Nothofer

asparagus sj tumbuhan yg pucuknya dibuat sayur, *Asparagus officinalis* [[< Ing *asparagus* < Latin *aspargurgus* (lih. **parsi**)]]

sapersi sj tumbuhan, *Asparagus officinalis* [[< Bel *aspersie* < Latin *asparagus* {Wilkinson 1932}]]

Daripada *sapersi* bahasa Melayu membentuk kata baharu berasaskan etimologi rakyat. Penutur Melayu beranggapan bahawa *sapersi* mengandungi kata *Parsi*, barangkali oleh kerana beranggapan bahawa tanaman ini berasal dari negara Parsi.

parsi; *akar* ~ *Asparagus* (herba yg akarnya agak keras), *Asparagus officinalis* [[(etimologi rakyat) < berasaskan **sapersi**]]

seksi bahagian [[< BI < Bel *sectie* < Latin *sectiō* {Jones 1978}]]

seksyen bahagian [[< Ing *section* < Latin *sectiō*]]

Ada beberapa kata kembar yang ingin saya bincangkan dalam kertas kerja ini, oleh kerana merujuk pada rumitnya proses peminjaman yang boleh terjadi dalam sejarah bahasa Melayu. Contoh pertama terdapat dalam Collins (akan terbit) yang memperlihatkan bahawa bahasa Parsi *dēwān* ‘kumpulan kertas bertulis’ menjadi bahasa Melayu **dewan**, **duane**, **dipan** and **diwani**. Keempat bentuk ini diakibatkan perbezaan sejarah peminjaman kata Parsi ini:

dewan 1. balai tempat diadakan sesuatu [[< Ar 1100-1400 *diwan* tempat dokumen resmi (keuangan), balai cukai (perubahan makna) < Ar 900 *diwan* kumpulan kertas bertulis^{viii} < Parsi *dēwān* kumpulan kertas bertulis (lih. **dipan**, **diwani**, **duane**)]]

duane tempat memungut cukai [[< BI *duane* < Bel *douane* < Per *douane* < Spanyol *aduana* < Spanyol *adiuana* < Ar (*al*)*diwan* tempat dokumen keuangan, balai cukai < Parsi *dēwān* kumpulan kertas bertulis (lih. **dewan**, **dipan**, **diwani**)]]

dipan bangku panjang yg rendah [[< BI *dipan* < Bel *divan* < Perancis *divan* bangku lebar < bhs Eropah *divan* pentas duduk resmi atau pentas pembesar Turki yg berbentuk bangku lebar atau pangking yg dilengkapi kain cadar dan bantal < Turki *divan* balai resmi < Ar 1100-1400 *diwan* tempat dokumen resmi (keuangan), balai cukai (perubahan makna) < Ar 900 *diwan* kumpulan kertas bertulis < Parsi *dēwān* kumpulan kertas bertulis (lih. **dewan**, **diwani**, **duane**)]]

diwani (BM arkaik) wang logam [[< Hindi *दिवानि* resmi, berkaitan dengan wang negara < Ar *diwanfi* (bentuk ajektif) < Parsi *dēwān* kumpulan kertas bertulis (lih. **dewan**, **dipan**, **duane**)]]

Contoh kedua terdiri atas pinjaman yang berasal dari satu kata sumber yang ertinya lebih daripada satu. Perbezaan erti ini menghasilkan dua kata Melayu yang bentuknya berbeza:

komisen sejumlah bayaran yg dibayar kpd seseorang [[< Ing *commission* (lih. **kamsen**) (N)]]

kamsen dalat [[< Ing *commission* (lih. **komisen**)]]

Contoh ketiga ialah kata yang akhirnya berasal dari sumber Arab yang sama dan yang terdapat dalam Collins (akan terbit):

kahwa sj tumbuhan [[< Ar *qahwah*]]

kopi sj tumbuhan [[< Ing *coffee*, Bel *koffie* < Per *café*, It *caffè*, Sep *café* < Tur *kahveh* < Ar *qahwah*]]

kafe restoran kecil [[< Ing *café* < Per *café*, It *caffè*, Sep *café* < Tur *kahveh* < Ar *qahwah*]]

Ada beberapa kata lain yang mengandungi rumpun ini dan merupakan derivasinya yang dipinjam daripada bahasa barat: *kafeteria*, *kafein*, *kafeina*. Rupanya, juga ada kata yang dipinjam dari bahasa Cina yang mengandungi unsur yang sumber terakhirnya kata Arab *kahwa*: *kopitiam* kedai kopi.

Contoh keempat ialah pasangan kata yang berikut ini. BM *tribulan* merupakan pembaharuan Melayu yang terdiri atas *tri* (< Skt *tri*) dan *bulan* yang secara langsung menurunkan AP **bulan*, sedang BM *triwulan* dipinjam daripada bahasa Jawa yang juga merupakan hasil pembaharuan. Jw *triwulan* terdiri atas *tri* yang juga dipinjam daripada bahasa Sanskrit dan atas Jw *wulan* yang secara langsung menurunkan AP **bulan*.

tribulan tiga bulan [[< *tri* (< Skt *tri*) + *bulan* (< AP **bulan*)]]

triwulan tiga bulan [[< Jw *triwulan* < *tri* (< Skt *tri*) + Jw *wulan* bulan (< AP **bulan*)]]

Contoh yang terakhir merupakan pasangan kata yang memperlihatkan perkembangan pinjaman 40 tahun terakhir ini. Menurut KD (1971) dan KD (1889) hanya ada satu kata untuk 'bayaran yg perlu utk sesuatu perkhidmatan atau barang yang dibeli, pertuduhan' dan untuk 'jumlah tenaga elektrik', yaitu *chas?cas*. Menurut KD (1994) kata untuk erti yang pertama telah berubah dan menjadi *caj*, sedangkan kata untuk erti yang kedua tetap *cas*. Perkembangan ini perlu dianggap berhubungan dengan penyesuaian pola fonetik bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Pada masa antara 1971 dan 1994 sebutan *-j* pada akhir kata menjadi sebutan yang lazim, sehingga sebutan kata yang bermakna 'bayaran, pertuduhan' berubah. Mengapa bentuk kata yang pertama dan bukan kata kedua berubah, susah diuraikan. Boleh jadi bahawa kata yang makna 'bayaran, pertuduhan' dirubah, barangkali kerana frekuensinya jauh lebih tinggi daripada kata untuk tenaga elektrik.

DAFTAR PUSTAKA

- Adelaar, K.A. 1992. *Proto Malayic; The reconstruction of its phonology and part of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistics C-119. Canberra.
- Blust, R.A. 2003. CD-Rom version of Austronesian Comparative Dictionary (made available to DBP by the author)
- Casparis, J.G. de. 1997. *Sanskrit loan-words in Indonesian. An annotated check-list of owrds from Sanskrit in Indonesian and Traditional Malay*. NUSA vol 41. Jakarta: Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya.
- Collins English Dictionary. Complete and unabridged*. Sixth edition 2003. HarperCollins Publishers.
- Collins, James T. akan terbit. *Mukadimah ilmu etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dempwolff, O. 1934-38. *Vergleichende Lautlehre des austronesischen Wortschatzes*. Berlin.
- Dyen, I. 1946. Malay *tiga* 'three'. *Language* 22:131-137.
- Dyen, I. 1953. *The Proto-Malayo-Polynesian laryngeals*. Baltimore: Linguistic Society of America.
- Gonda, J. 1952. *Sanskrit in Indonesia*. Nagpur.
- Iskandar, T. 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, R. 1978. *Arabic loan-words in Indonesian*. A check-list of words of Arabic and Persian origin in Bahasa Indonesia and Traditional Malay. London: Etymological Project (Volume III), University of London.
- Kamus Dewan*. 1993. Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kern, H. 1913-1929. *Verspreide Geschriften*, 15 vols. The Hague.
- Lanman, Charles R. 1963. *A Sanskrit reader. Text and vocabulary and notes*. Cambridge: Harvard University Press.
- Nothofer, B. 1975. *The reconstruction of Proto-Malayo-Javanic*. The Hague.
- Paraschkewow, Boris. 2002. Zur lexikographischen Darstellung des Phänomens etymologischer Duplizität. *Zeitschrift für Germanistische Linguistik* 30(1):23-55.
- Proudfoot, Ian. *Malay Concordance Project*, PO Box 4, Yarralumla ACT 2600 Australia (internet)
- Ronkel, Ph.S. van. 1902 Het Tamil-element in het Maleisch. *Tijdschrift van de Bataviaasch Genootschap van Kunst en Wetenschappen*, XLV, 97-119.
- Ronkel, Ph.S. van. 1902. Het Tamil-element in het Maleisch. *Tijdschrift XLV*:97-119.
- Ronkel, Ph.S. van. 1903 Tamilwoorden in Maleisch gewaad. *Tijdschrift XLV*:532-558.
- Sneddon, J. 2003. *The Indonesian language. Its history and role in modern society*. UNSW Press
- Webster Comprehensive Dictionary of the English Language*. Encyclopedic edition. 2003.
- Wilkinson, R.J. 1932. *A Malay-English dictionary*. Mytilene.

- Wolff, J.U. 1976. Malay borrowings in Tagalog. In: Cowan C.D. and O.W. Wolters (eds). 1976. *Southeast Asian History and Historiography. Essays presented to D.G.E. Hall*. Ithaca and London.
- Yule, H. dan A.R. Burnell. 1886 (1968). *Hobson-Jobson: A glossary of colloquial Anglo-Indian words and phrases and kindred terms, etymological, historical, geographical and discursive*. (Cetakan semula). Delhi: Munshiram Manoharlal.
- Zoetmulder, P.J., with the collaboration of S.O. Robson. 1982. *Old Javanese-English dictionary*, 2 vols. The Hague.

CATATAN

ⁱ Kertas kerja ini merupakan versi yang disemak daripada makalah yang dibentangkan di Kuala Lumpur dalam rangka *Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 07./08.09.2006*.

ⁱⁱ Singkatan yang digunakan untuk bahasa/bahasa Austronesia: BH = Banjar Hulu, BI = Indonesia, Mar = Maranao, Fav = Favorlang, Jw = Jawa, Jw-Ku = Jawa Kuno, Snd = Sunda, Swy = Seraway.

ⁱⁱⁱ Dalam bahasa Melayu hiatus **ai* dipelihara dan **j* > τ (misalnya **pais* > BM *pais*, **lalej* > BM *lalat*)

^{iv} KD = Kamus Dewan

^v Proudfoot

^{vi} ibd.

^{vii} Sneddon (2003:75) menulis: 'In some cases, a single Arabic word has given rise to two Indonesian words, one religious term, which tends to retain a shape more similar to that of Arabic, and a common word without religious association, which has undergone further change, such as *fardu* (religious obligation) and *perlu* (necessary), both from Arabic $\phi\alpha\rho\delta\delta$ (religious obligation).'

^{viii} Sumber perubahan semantik ini dikutip daripada Yule, H. and A.R. Burnell. 1886 (1968).

Bernd Nothofer
Bernd.Nothofer@t-online.de
Universiti Frankfurt